



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



NILAI POLITIK YANG MEMBENTUK BUDAYA POLITIK PENGUNDI LUAR KELANTAN DI LEMBAH KLANG

POLITICAL VALUES THAT FORM THE POLITICAL CULTURE OF VOTERS OUTSIDE KELANTAN IN THE KLANG VALLEY

Mazli Mamat¹, Mohd Mahadee Ismail^{2*}, Ku Hasnita Ku Samsu³, Zatul Himmah Adnan⁴

¹ Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Email: mazlimamat@gmail.com

² Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Email: mahadee@upm.edu.my

³ Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Email: hasnita@upm.edu.my

⁴ Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
Email: zatul@upm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 23.02.2023

Revised date: 20.03.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 15.06.2023

To cite this document:

Mamat, M., Ismail, M. M., Ku Samsu, K. H., & Adnan, Z. H. (2023). Nilai Politik yang Membentuk Budaya Politik Pengundi Luar Kelantan di Lembah Klang. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 338-355.

DOI: 10.35631/IJLGC.832026.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Makalah ini membincangkan mengenai nilai politik yang membentuk budaya politik dalam kalangan pengundi luar Kelantan yang menetap di Lembah Klang. Kajian terdahulu memperlihatkan pengundi luar Kelantan lebih cenderung mengundi PAS berbanding parti politik lain walaupun secara umumnya masyarakat di Lembah Klang tidak menyokong PAS seperti di Kelantan. Tingkah laku yang ditunjukkan oleh pengundi luar Kelantan ini amat menarik untuk dibincangkan bagi mengetahui nilai yang paling utama dalam susunan kedudukan nilai budaya politik mereka. Oleh itu, tujuan makalah ini adalah untuk menentukan perkaitan antara nilai politik tersebut dengan budaya politik kalangan pengundi luar Kelantan yang menetap di Lembah Klang. Kajian ini melibatkan seramai 403 orang pengundi luar Kelantan berbangsa Melayu, berumur 21 tahun dan ke atas yang menetap di Lembah Klang. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik. Responden kajian dipilih secara pensampelan bertujuan dan bola salji. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Hasil kajian menunjukkan pengundi luar Kelantan meletakkan nilai politik Islam sebagai nilai paling utama dalam susunan kedudukan nilai budaya politik mereka berbanding nilai politik yang lain. Pengundi luar Kelantan cenderung memberi sokongan kerana PAS didapati paling menepati aspirasi politik mereka yang ingin mendaulatkan Islam

sebagai suatu cara hidup. Implikasi daripada kedudukan nilai politik ini menyebabkan pengundi luar Kelantan dijangka akan terus memberi sokongan padu dan menjadi simpanan tetap kepada PAS untuk kekal berkuasa sehinggalah berlaku perubahan dalam susunan keutamaan kedudukan nilai politik dalam budaya politik pengundi luar Kelantan.

Kata Kunci:

Budaya Politik, Pengundi Luar Kelantan, Pilihan Raya, Sosialisasi Politik, Konfigurasi

Abstract:

This article discusses the political values that shape the political culture among voters outside Kelantan residing in the Klang Valley. Previous studies have shown that voters outside Kelantan are more likely to vote for PAS compared to other political parties, although in general the community in the Klang Valley does not support PAS as in Kelantan. The behavior shown by voters outside Kelantan is very interesting to discuss to find out the most important values in the arrangement of their political culture. Therefore, the purpose of this article is to determine the strength of the relationship between these political values and political culture among voters outside Kelantan living in the Klang Valley. The study involved a total of 403 Malay voters outside Kelantan, aged 21 and above who live in the Klang Valley. The study uses a quantitative approach through a survey method using a questionnaire. Study respondents were selected by purposive and snowball sampling. Descriptive and inferential analyses of the study's data were performed. The results show that voters outside Kelantan place Islamic political values as the most important value in the arrangement of their political culture compared to other political values. Voters outside Kelantan tend to give support because PAS is found to be most in line with their political aspirations that want to uphold Islam as a way of life. The implications of this position of political values cause voters outside Kelantan are expected to continue to support and be a permanent deposit to PAS to remain in power until there is a change in the order of priority of the position of political values in the political culture of voters outside Kelantan.

Keywords:

Political Culture; Voters Outside Kelantan; Election; Political Socialization; Configuration

Pengenalan

Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 memperlihatkan PAS tetap kekal memerintah Kelantan semenjak mereka berjaya menawan kembali negeri tersebut pada PRU ke-8, tahun 1990. Semasa Kelantan berada di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN), banyak perubahan yang berlaku khususnya dalam konteks pembangunan ekonomi. Pembangunan yang pesat telah mempengaruhi budaya politik orang Melayu di Kelantan (Mohd Mahadee & Ab. Bassit, 2008). Namun, selepas PAS berjaya memenangi semula Kelantan, PAS telah memperkembangkan pendekatan dengan menerapkan agenda politik melalui proses sosialisasi secara berterusan (Azmil, 2022). PAS bijak mengatur strategi dengan memperkukuhkan sistem pendidikan dibawah kerajaan negeri yang melahirkan penyokong tegar serta menguasai masjid dan surau (Saiyid Radzuwan, 2021).

Dalam PRU ke-11, kedudukan PAS sedikit goyah dan mengalami kemerosotan sokongan kerana isu kemunduran, kemiskinan yang dibangkitkan oleh BN mulai diterima rakyat. Faktor lain yang mempengaruhi sokongan pengundi Kelantan kepada BN adalah disebabkan perwatakan dan pendekatan Abdullah Ahmad Badawi yang memperkenalkan konsep Islam Hadhari. Walau bagaimanapun, dalam PRU ke-12, PAS telah berjaya memperkukuhkan kembali kedudukan mereka di Kelantan. Kejayaan PAS dibantu oleh ketidakupayaan kerajaan BN pimpinan Abdullah Ahmad Badawi menunaikan janji pilihan raya ditambah dengan isu kenaikan kos sara hidup yang tidak berjaya dikawal kerajaan (Mohd Mahadee & Ab. Bassit, 2008). Keupayaan PAS kembali mendapat tempat di Kelantan disebabkan oleh perkiraan pengundi yang membuat pertimbangan terhadap elemen kepentingan ekonomi, kebajikan dan pembangunan (Junaidi, 2017). Dalam PRU ke-13, UMNO terus tidak diterima oleh rakyat Kelantan terutama di kawasan bandar dan pekan kecil di Kelantan. Uniknyanya di luar Kelantan sokongan terhadap UMNO/BN adalah dalam kalangan pengundi dari kawasan luar bandar tetapi sebaliknya berlaku di Kelantan (Mohd Faidz et al., 2014). Hal ini berlaku kerana pengundi di Kelantan memilih parti politik yang memiliki trek rekod yang baik, berpengalaman serta mempunyai barisan pemimpin bersih, berwibawa dan berpendidikan tinggi (Junaidi et al., 2022).

Dalam PRU ke-14, PAS sekali lagi mempertahankan kemenangan di Kelantan malah berjaya menambah kerusi dimenangi apabila menguasai 37 kerusi DUN, sementara UMNO menang hanya lapan kerusi. Kejayaan PAS ini menandakan parti PAS berjaya memerintah Kelantan untuk penggal ketujuh. Walaupun tidak bersama parti sekutu Pakatan Harapan (PH), PAS tetap berjaya mempertahankan Kelantan dengan pertambahan kerusi dimenangi yang agak memberangsangkan. Manakala dalam PRU ke-15 yang lalu, PAS telah berjaya menyapu bersih 14 kerusi Parlimen di Kelantan dengan kemenangan majoriti yang besar. PAS Kelantan tidak pernah goyah dalam mendapat keyakinan dan undi walaupun mengalami isu kemunduran dalam pembangunan berbanding negeri lain. Ideologi dan pendekatan secara Islamik yang digunakan dengan membawa perjuangan Islam sejati, undi PAS masuk syurga yang sudah sebatu dalam jiwa rakyat Kelantan telah memikat hati pengundi Kelantan (Nurul Fatihan & Junaidi, 2023). Inilah yang dikatakan sebagai 'keunikan' dan keistimewaan rakyat Kelantan yang begitu menarik untuk dibincangkan. Budaya politik orang Melayu Kelantan itu sendiri dikatakan sukar untuk diramal, halus bersifat abstrak dan mempunyai sikap matang dalam soal berpolitik (Mohd Mahadee & Ab. Bassit, 2008).

Kajian terdahulu memperlihatkan keunggulan PAS memerintah Kelantan selama tujuh penggal berturut-turut dipacu sokongan padu pengundi luar Kelantan. Pengundi luar ini lebih cenderung untuk menyokong PAS berbanding parti politik lain (Mohd Mahadee & Ab. Bassit, 2008; Mohd Fuad & Junaidi, 2011; Mohd Faidz et al., 2014). Oleh sebab itu, pengundi luar ini dianggap sebagai simpanan tetap bagi PAS untuk terus kekal berkuasa memerintah Kelantan (Mohd Fuad Junaidi, 2011; Mohd Faidz et al., 2014). Golongan yang dipanggil sebagai pengundi luar ini terdiri daripada golongan pengundi yang tinggal dan bermastautin di luar dari Kelantan, tetapi mereka membuang undi di Kelantan kerana tidak mengemaskini alamat tempat mengundi mengikut tempat tinggal semasa dalam senarai daftar pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Rakyat Kelantan yang berhijrah keluar dari Kelantan mempunyai pelbagai sebab dan alasan antaranya mengikut ahli keluarga, meningkatkan sosioekonomi keluarga, melanjutkan pengajian, tuntutan kerjaya serta suasana yang terhimpit akibat kemiskinan di Kelantan (Amer

Saifude, 2013). Data Daftar Pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diwartakan pada 2021 menunjukkan jumlah keseluruhan pengundi berdaftar bagi Negeri Kelantan adalah seramai 1,085,435 orang. Akhbar Sinar Harian Online (22 April 2018) melaporkan, Ikmal Hisham Abdul Aziz, Pengerusi Biro Pengundi Luar UMNO Kelantan menyatakan jumlah pengundi luar Kelantan dalam PRU ke-14 dianggarkan seramai 150,000 orang. Jumlah anggaran 150,000 orang tersebut tidak dapat disahkan kerana pihak SPR tidak mempunyai maklumat tentang jumlah sebenar pengundi yang tinggal di luar Kelantan disebabkan SPR hanya menyimpan data pengundi berdasarkan alamat yang tercatat dalam Kad Pengenalan pengundi sebagaimana rekod Jabatan Pendaftaran Negara.

Jika jumlah anggaran seramai 150,000 orang pengundi luar ini dibahagikan dengan 14 kawasan Parlimen di Kelantan, setiap Parlimen secara purata akan mempunyai seramai lebih kurang 10,714 orang pengundi luar. Jika jumlah 150,000 ini pula dibahagikan dengan 45 kerusi Dewan Undang Negeri (DUN) di Kelantan, maka setiap DUN secara purata akan mempunyai seramai 3,333 orang pengundi luar. Jumlah ini adalah besar, sekaligus berupaya memberi kesan terhadap keputusan pilihan raya di Kelantan. Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan untuk menentukan kekuatan perkaitan antara nilai politik dengan budaya politik pengundi luar Kelantan.

Sorotan Literatur

Kajian tentang peranan nilai yang mempengaruhi tingkah laku politik telah banyak dijalankan. Nilai itu sendiri merupakan teras kepada budaya yang wujud dalam pemikiran manusia tidak hanya melibatkan satu nilai sahaja tetapi melibatkan banyak nilai. Nilai ini ditakrifkan sebagai sesuatu yang mempunyai faedah dan kepentingan yang dikongsi bersama dalam masyarakat. Nilai ini juga merupakan perkara yang disukai dan diutamakan atau satu idealisme yang berkait rapat dengan hubungan sosial antara ahli masyarakat (Wan Hashim & Ismail Hamid, 1998).

Nilai melibatkan proses membuat pemilihan dan keputusan antara pilihan nilai yang ada. Nilai berasal dari individu, namun individu tersebut perlu memiliki ciri-ciri asas tertentu seperti mereka perlu berinteraksi dengan masyarakat bagi berkongsi dan bertukar-tukar nilai yang mereka ada (Horrobin, 2006). Sungguhpun nilai bermula daripada individu, namun kesahan nilai perlu mendapat persetujuan kolektif anggota masyarakat termasuklah tentang ukuran yang digunakan bagi menentukan tahap nilai atau tingkah laku itu adalah baik, mustahak dan perlu dihargai. Hal ini bertujuan untuk menunjukkan nilai tersebut diterima secara bersama oleh masyarakat dan bukan semata-mata milik seorang individu sahaja (Wan Hashim & Ismail Hamid, 1998).

Nilai politik adalah satu kepercayaan yang wujud secara peribadi dalam diri individu. Nilai ini merangkumi kepercayaan kepada sistem dan bagaimana mereka berinteraksi serta bertindak balas terhadap kepercayaan tersebut (Rokeach, 1973). Nilai bukanlah objek yang berwarna atau mempunyai bentuk, tetapi nilai merupakan suatu proses pembentukan mental yang dihasilkan daripada tingkah laku manusia (Media Sandar, 2004). Nilai juga tidak dapat diperhatikan secara langsung, hanya boleh dilihat menerusi tingkah laku, percakapan atau jawapan yang diberikan berdasarkan kepada soalan tertentu. Apabila sesuatu nilai ini telah dibentuk, ianya akan menjadi sebahagian daripada sistem nilai yang tersusun dalam diri manusia. Individu yang terlibat akan menentukan tahap keutamaan nilai tersebut dengan nilai lain yang dimiliki olehnya (Nik Azis, 2012).

Perubahan yang berlaku ke atas nilai merupakan suatu ‘revolusi senyap’ yang mengambil masa yang panjang dan memberi implikasi yang besar bukan sahaja kepada masyarakat tetapi juga kepada negara itu sendiri (Inglehart, 1977). Clammer (1996) menyatakan nilai dibentuk secara dua hala dan bukannya dalam perhubungan satu hala. Nilai terbentuk secara sosial, bersifat dinamik dan boleh dimanipulasikan apabila berhubung dengan persekitaran. Higgins (2005) secara mendalam menyatakan nilai terbentuk hasil daripada tiga proses penting. Pertama proses sosialisasi yang berkongsi kepercayaan tentang objektif yang ideal, kedua nilai terdiri daripada kebergunaan dan kepentingan dalam memenuhi keperluan berbanding lebih dari kepercayaan. Ketiga, nilai dibentuk melalui pengalaman yang berunsur keseronokan, keselesaan dan kesakitan.

Penelitian mengenai kepentingan nilai dalam tingkah laku politik orang Melayu boleh dilihat dalam kajian Ahmad Munawar et al. (2012) yang menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara nilai Islam dan jati diri orang Melayu. Walau bagaimanapun nilai Islam yang wujud ini boleh terhakis kesan daripada cabaran semasa sekiranya usaha memeliharanya tidak dilaksanakan secara konsisten dan bersungguh-sungguh. Nilai yang dibawa oleh agama Islam telah mencetuskan perubahan besar dalam organisasi sosial orang Melayu kerana sifat agama Islam itu sendiri yang praktikal, rasional terhadap dunia kehidupan dan prinsip demokrasi. Nilai Islam ini juga telah disepadukan ke dalam kebudayaan dan tradisi orang Melayu sehingga menjadi sebatian dengan kehidupan seharian masyarakat setempat (Abdul Rahman, 2015).

Kajian oleh Mohd Sabri (2016) mengenai persaingan politik Melayu di semenanjung Malaysia, 1978-2013 mendapati nilai Islam dan nilai tradisi Melayu menjadi elemen penting dalam persaingan politik dengan isu agama Islam lebih mendominasi persaingan antara parti politik berasaskan orang Melayu. Persaingan politik orang Melayu tidak pernah terhenti dan masih berlarutan sehingga ke hari ini didorong oleh perbezaan pandangan dan pendapat yang lahir daripada aliran pemikiran politik pemimpin yang pelbagai. Cabaran dalam menguruskan perbezaan telah menimbulkan ketegangan yang akhirnya membawa kepada permusuhan.

Siti Ruzana et al., (2020) pula mengkaji mengenai perkembangan gerakan PAS di Kelantan, tahun 1957-2000. Hasil kajian mereka mendapati gerakan Islam PAS membentuk norma baharu dalam masyarakat di Kelantan mengikut acuan Islam. Penguasaan PAS ke atas negeri Kelantan melalui pendekatan dakwah politik telah membawa kepada perubahan corak hidup masyarakat setempat kepada budaya hidup baharu yang menghayati dan mengamalkan cara hidup Islam yang lengkap. Gerakan Islam PAS juga mewujudkan sistem pentadbiran Islamik di Kelantan dan menjadi pencetus kepada pembinaan sebuah kerajaan Islam berpandukan al-Quran dan as-Sunnah yang menjadi rujukan kepada negeri lain di Malaysia.

Mohd Irwan dan Balqis Bazilah (2021) yang mengkaji mengenai Perkembangan Politik Malaysia Pasca PRU-12: Satu tinjauan menerusi perspektif etnosentrisme mendapati politik etnosentrisme mempengaruhi sentimen pengundi Melayu di mana sokongan terhadap UMNO dan PAS selaku parti politik berasaskan eksklusiviti kelompok Melayu Islam dilihat tidak mengalami perubahan yang ketara. Malah semakin diperkukuhkan dalam PRU ke-12, 13 dan 14 sekaligus mengekalkan status quo parti tersebut sebagai parti teras Melayu-Islam di Malaysia. Dapatan kajian menyimpulkan politik etnosentrisme sukar digugat, selagi mana isu berasaskan kaum, iaitu nilai tradisi dan agama Islam menjadi ‘propaganda’ kempen politik yang memberi kesan terhadap tingkah laku pengundi.

Mastura Abd Wahab et al., (2022) menjalankan kajian bagi menentukan tahap pengetahuan, sikap dan amalan belia terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan, sikap dan amalan belia terhadap unsur tradisi secara keseluruhannya adalah tinggi. Setiap etnik disarankan supaya mengambil tahu, memahami, menerima dan menghayati sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan. Unsur tradisi yang menjadi peruntukan asas dalam perlembagaan dimasukkan bertujuan untuk mengukuhkan sifat keluhuran terhadap perlembagaan dan meningkatkan persefahaman antara kaum yang melibatkan isu berkaitan unsur tradisi di Malaysia.

Kajian oleh Mohd Mahadee et al., (2016) mengenai pola sokongan pengundi di Selangor menjelang PRU ke-14 mendapati tiga isu utama yang menjadi intipati penting rasa tidak puas hati dalam kalangan pengundi ialah berkaitan dengan kedudukan kepentingan nilai ekonomi. Kerajaan BN gagal mengimplementasi dasar pengurusan ekonomi dengan lebih cekap, sistematik dan efektif. Kelemahan kerajaan BN untuk mengatasi masalah kenaikan harga bahan api, pengangguran, kenaikan bahan keperluan asas telah menambahkan lagi beban kehidupan seharian rakyat. Hal ini kerana kos sara hidup rakyat semakin mencengkam dari masa ke semasa. Perkembangan sedemikian telah melahirkan rasa tidak berpuashati dan kekecewaan rakyat kerana isu ekonomi ini telah menjejaskan survival hidup rakyat secara keseluruhannya. Akhirnya sepertimana kita dapat lihat kerajaan BN gagal untuk dipertahankan dalam PRU ke-14.

Kajian oleh Muhammad Hazim et al., (2016) mengenai kesan dasar kerajaan dalam politik pasca pilihan raya di DUN Teratai, Pandan, Selangor mendapati nilai ekonomi merupakan perkara terpenting yang perlu ditangani kerajaan. Dasar kerajaan yang mengutamakan kebajikan rakyat serta isu yang menguntungkan rakyat akan menjadi pertimbangan utama pengundi dalam memilih calon dan parti yang bertanding dalam pilihan raya. Meskipun pengundi mempunyai persepsi terhadap sesuatu isu, namun pengundi masih rasional dalam membuat pertimbangan untuk memilih pihak yang boleh menjaga kebajikan mereka. Di bandar, nilai ekonomi sangat memberi kesan kerana setiap peningkatan harga barang memberi kesan secara langsung kepada rakyat. Himpitan hidup kesan daripada cabaran ekonomi mendorong pengundi di bandar meletakkan nilai ekonomi pada kedudukan yang penting berbanding dengan nilai politik lain.

Muhammad Marwan dan Supyan (2022) pula meninjau mengenai tingkah laku pengundi Melayu dalam PRU ke-14. Hasil kajian mendapati pengundi Melayu masih mengundi parti berteraskan Melayu atas faktor identifikasi parti dan sosiologi. Walau bagaimanapun, isu yang berbangkit dalam PRU ke-14 seperti isu melibatkan nilai ekonomi dan nilai sejagat masih menepati teori pilihan rasional apabila ia turut mempengaruhi sokongan pengundi Melayu. Dapatan kajian ini menyimpulkan, pendekatan politik keetnikan untuk kaum Melayu kekal relevan sebagai kaedah bagi meraih undi orang Melayu. Namun faktor lain juga perlu diambil kira seperti yang nilai sejagat agar sokongan rakyat dapat dioptimumkan.

Pembangunan bererti peningkatan kebajikan dan manfaat yang dapat dinikmati oleh anggota masyarakat hasil dari penggembelangan serta penggunaan sumber alam dan manusia. BN menggunakan nilai politik pembangunan sebagai teras utama dalam memikat dan memujuk hati pengundi. Ini kerana setiap rakyat inginkan pembangunan di kawasan mereka supaya dapat menjalani kehidupan dengan lebih selesa dan teratur seperti orang lain (Mohd Fuad et al., 2012). Resipi kejayaan BN mengekalkan pemerintahan selama bertahun-tahun adalah disebabkan gabungan parti tersebut berjaya mengekalkan kestabilan politik dan membawa

pembangunan ekonomi, sosial dan infrastruktur kepada rakyat (Mohd Fuad et al., 2012). Janji politik pembangunan membawa maksud apa sahaja elemen pembangunan yang boleh disediakan kepada masyarakat untuk memperbaiki taraf hidup serta pencapaian ekonomi yang telah dan akan dirancang oleh pihak tertentu untuk kemakmuran rakyat (Jamaie, 2014). Pengundi luar bandar didapati lebih memilih untuk mengundi BN agar pembangunan dapat dilaksanakan secara berterusan bagi kesejahteraan masyarakat dalam jangka masa yang panjang (Junaidi et al., 2015).

Dalam konteks masyarakat Melayu, perkembangan masyarakat sivil banyak berlaku dalam kalangan golongan kelas menengah. Mereka memainkan peranan penting dalam memperluaskan lagi kegiatan politik dan sosial yang secara langsung membawa perubahan kepada budaya politik masyarakat. Golongan kelas menengah menuntut hak yang sepatutnya ada pada mereka dan menjadi pembela kepada masyarakat setempat. Teras yang mendasari pemikiran dan tindakan mereka ialah prinsip nilai sejagat yang bersifat global (Mohd Mahadee, 2018). Hal ini berlaku disebabkan peranan nilai dari perspektif politik sejagat yang mempunyai hubungan rapat dengan tanggungjawab dan kesedaran terhadap persoalan memilih, melantik pemimpin yang boleh diharapkan dan yang paling penting pemimpin tersebut bersifat amanah, tidak rasuah dan bebas dari segala unsur penyelewengan.

Golongan pro kepada perubahan lebih cenderung memilih nilai demokrasi yang bersifat sejagat, sama ada melalui penyertaan politik secara formal atau tidak formal untuk menyuarakan harapan mereka agar negara menjadi lebih baik. Oleh sebab itu, mereka didapati lebih lantang dalam memperjuangkan keadilan yang menjangkau batasan kaum, agama dan mereka juga turut memberi penekanan kepada ketelusan pentadbiran kerajaan, anti rasuah dan membela golongan yang miskin. Tahap pendidikan yang dimiliki mereka menyumbang ke arah kematangan pemikiran dan kesedaran politik sedemikian (Mohd Azlan et al., 2013). Selain faktor tahap pendidikan, lokasi tempat tinggal serta penembusan jaringan maklumat turut mempengaruhi tingkah laku dan kesedaran politik tersebut.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan nilai politik mempunyai peranan yang besar dalam memberi kesan kepada tingkah laku politik bermula dengan nilai tradisi sehingga kepada nilai yang bersifat sejagat sekarang. Secara keseluruhannya hasil berbincangan di atas mendapati agak sukar untuk menentukan kedudukan nilai politik dalam budaya politik orang Melayu secara keseluruhan disebabkan berbeza lokasi geografi tempat tinggal, status sosial, tahap pendidikan dan budaya masyarakat setempat.

Metodologi

Data kajian ini diperolehi menerusi kaedah tinjauan di lapangan dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian ini dilakukan di sekitar Lembah Klang meliputi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan beberapa kawasan sekitar Negeri Selangor. Pemilihan lokasi responden kajian di sekitar Lembah Klang di buat kerana kawasan ini merupakan destinasi pilihan utama migrasi termasuk rakyat dari Kelantan (Mohd Fadzil et al., 2017). Mereka melakukan migrasi ke Lembah Klang disebabkan kawasan ini telah tersedia pelbagai peluang ekonomi dan kemudahan asas. Selain faktor tarikan, faktor tolakan di tempat asal turut mendorong mereka melakukan migrasi ke kawasan yang lebih maju (Katiman et al., 2010). Kajian menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dan bebola salji (*snowball*) untuk mendapatkan responden. Dalam kajian ini, seramai 403 orang responden telah dipilih terdiri daripada pengundi yang berbangsa Melayu, berumur 21 tahun dan ke atas, berasal dari Kelantan tetapi menetap di Lembah Klang. Instrumen kajian menggunakan skala Likert dan data kajian dianalisis secara

statistik deskriptif dan analisis ujian korelasi. Dalam kajian ini sebanyak lima nilai telah diselidiki, iaitu nilai politik tradisi, agama Islam, ekomoni, pembangunan dan nilai sejagat.

Dapatan Kajian

Latar Belakang Demografi Responden

Taburan responden mengikut kategori umur dipecahkan kepada enam, bermula dengan kumpulan umur paling bawah, iaitu responden yang berumur 21 hingga 30 tahun dan yang paling akhir sekali adalah kategori responden yang berumur 61 tahun dan ke atas. Jadual 1 di bawah merupakan pecahan umur responden mengikut kategori seperti yang dinyatakan di atas.

Jadual 1: Umur Responden

Umur	Bilangan (n)	Peratus (%)
21-30 tahun	114	28.3
31-40 tahun	211	52.4
41-50 tahun	66	16.4
51-60 tahun	10	2.5
61 tahun ke atas	2	0.5

Jadual 1 di atas menunjukkan responden yang paling ramai dalam kajian ini adalah dari kategori responden berumur 31 hingga 40 tahun, iaitu seramai 211 orang (52.4%), diikuti dengan responden berumur 21 hingga 30 tahun, iaitu seramai 114 (28.3%). Manakala responden yang berumur 41 hingga 50 tahun adalah seramai 66 orang (16.4%). Responden yang berumur 51 hingga 60 tahun adalah seramai 10 orang (2.5%) dan responden berumur 61 tahun ke atas seramai 2 orang (0.5%). Berdasarkan maklumat yang dipaparkan dalam Jadual 1 di atas, didapati sebilangan besar responden dalam kajian terdiri daripada mereka yang berumur antara 21 hingga 40 tahun yang membentuk kira-kira 80.7 peratus daripada jumlah keseluruhan responden kajian. Lingkungan umur ini dirujuk sebagai golongan pengundi muda dan mereka yang berumur dalam lingkungan 21 hingga 40 tahun ini merupakan golongan pengundi yang menjadi kategori pengundi paling ramai menjelang PRU ke-15 (Ng Xiang Yi, 2022).

Tahap Pendidikan

Dalam kajian ini, turut diambil kira berkenaan taburan responden mengikut kelulusan akademik. Taburan responden mengikut pecahan tahap kelulusan akademik tertinggi adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Kelulusan Akademik Responden

Kelulusan Akademik	Bilangan (n)	Peratus (%)
SRP/ PMR	12	3.0
SPM/ SMU	66	16.4
STPM/ STAM/ Diploma	114	28.3
Sarjana Muda	167	41.4
Sarjana dan ke atas	40	9.9
Lain-lain	4	1.0

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut pecahan kelulusan akademik tertinggi. Responden yang paling ramai dalam kajian ini adalah mereka yang berkelulusan Sarjana Muda, iaitu seramai 167 orang (41.4%). Manakala responden yang berkelulusan peringkat STPM, STAM dan Diploma adalah seramai 114 orang (28.3%) diikuti dengan responden yang

berkelulusan peringkat SPM, SMU seramai 66 orang (16.4%). Sementara itu, responden yang berkelulusan Sarjana dan ke atas 40 orang (9.9%), SRP dan PMR adalah seramai 12 orang (3.0%). Manakala responden yang kelulusan lain-lain pula adalah terdiri daripada mereka yang berkelulusan peringkat sijil kemahiran, iaitu seramai 4 orang (1.0%).

Selain itu, kajian ini juga turut memperincikan tempoh masa responden menetap di Lembah Klang bagi melihat perubahan yang berlaku. Untuk tujuan itu, lima kategori telah ditetapkan dalam kajian ini, dimulakan dengan tempoh masa 1 hingga 5 tahun, diikuti dengan tempoh 6 hingga 10 tahun, 11 hingga 15 tahun dan 16 hingga 20 tahun. Kategori tempoh menetap yang terakhir adalah kumpulan yang lebih dari 20 tahun. Jadual 3 di bawah merupakan ringkasan dapatan mengikut tempoh masa menetap di Lembah Klang.

Jadual 3: Tempoh Menetap Luar Kelantan

Tempoh	Bilangan (n)	Peratus (%)
1-5 tahun	112	27.8
6-10 tahun	98	24.3
11-15 tahun	89	22.1
16-20 tahun	52	12.9
Lebih 20 tahun	52	12.9

Jadual 3 di atas menunjukkan taburan tempoh masa responden menetap di Lembah Klang. Jumlah responden yang paling ramai adalah responden yang tinggal dalam tempoh antara 1 hingga 5 tahun, iaitu seramai 112 orang (27.8%). Manakala bilangan responden yang paling sedikit adalah responden yang tinggal dalam tempoh antara 16 hingga 20 tahun dan responden yang tinggal lebih daripada 20 tahun, iaitu masing-masing seramai 52 orang (12.9%). Sementara itu, responden yang tinggal dalam tempoh antara 6 hingga 10 tahun adalah seramai 98 orang (24.3%) dan responden yang tinggal dalam tempoh 11 hingga 15 tahun adalah seramai 89 orang (22.1%).

Pekerjaan dan Pendapatan

Selain daripada demografi seperti umur, tahap pendidikan dan tempoh menetap di Lembah Klang, kajian ini turut memberi perhatian mengenai taburan pekerjaan responden. Taburan pecahan sektor pekerjaan responden telah dibahagikan kepada lima kategori, iaitu penjawat awam, kerja sendiri, pekerja swasta, tidak bekerja dan juga pelajar. Ringkasan dapatan pecahan responden dalam kajian ini mengikut sektor pekerjaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Sektor Pekerjaan Responden

Pekerjaan	Bilangan (n)	Peratus (%)
Pekerja Swasta	186	46.2
Penjawat Awam	120	29.8
Kerja Sendiri	55	13.6
Pelajar	28	6.9
Tidak Bekerja	14	3.5

Jadual 4 menunjukkan taburan sektor pekerjaan responden, iaitu yang paling ramai terdiri daripada mereka yang bekerja di sektor swasta seramai 186 orang (46.2%), diikuti penjawat awam seramai 120 orang (29.8%). Manakala responden yang bekerja sendiri seramai 55 orang (13.6%) dan pelajar seramai 28 orang (6.9%). Manakala jumlah responden yang tidak bekerja

termasuk suri rumah sepenuh masa yang paling sedikit dalam taburan mengikut sektor pekerjaan, iaitu seramai 14 orang (3.5%). Secara keseluruhan taburan responden yang paling ramai dalam kajian ini adalah terdiri daripada mereka yang bekerja di sektor swasta dan penjawat awam.

Selain pecahan sektor pekerjaan, turut diberi tumpuan dan perhatian adalah berkenaan taburan pecahan mengikut jumlah pendapatan bulanan responden. Pecahan taburan pendapatan responden ini dibahagikan kepada enam kategori, bermula dengan pendapatan yang berjumlah RM 1,500 dan ke bawah, diikuti dengan RM 1,501 hingga RM 3,000, RM 3,001 hingga RM 4,500, RM 4,501 hingga RM 6,000, RM 6,001 hingga RM 7,500 serta RM 7,501 dan ke atas. Ringkasan taburan pecahan responden mengikut jumlah pendapatan adalah seperti di Jadual 5.

Jadual 5 : Taburan Pendapatan Responden

Pendapatan	Bilangan (n)	Peratus (%)
RM 1,500 dan ke bawah	96	23.8
RM 1,501 – RM 3,000	115	28.5
RM 3,001 – RM 4,500	79	19.6
RM 4,501 – RM 6,000	59	14.6
RM 6,001 – RM 7,500	26	6.5
RM 7,501 dan ke atas	28	6.9

Jadual 5 menunjukkan pecahan taburan responden mengikut jumlah pendapatan kasar sebulan. Responden yang paling ramai dalam kajian ini terdiri daripada mereka yang memperoleh pendapatan bulanan sebanyak RM 1,501 hingga RM 3,000 iaitu seramai 115 orang (28.5%), diikuti dengan responden yang memperoleh pendapatan RM 1,500 ke bawah seramai 96 orang (23.8%). Manakala responden yang memperoleh pendapatan antara RM 3,001 hingga RM 4,500 adalah seramai 79 orang (19.6%). Sementara itu, responden yang memperoleh pendapatan sebanyak RM 4,501 hingga RM 6,000 adalah seramai 59 orang (14.6%). Responden yang berpendapatan sebanyak RM 6,001 hingga RM 7,500 merupakan paling sedikit, iaitu seramai 26 orang (6.5%). Manakala responden yang memperoleh pendapatan bulanan sebanyak RM 7,501 dan ke atas adalah seramai 28 orang (6.9%). Secara keseluruhan, taburan pendapatan responden yang paling ramai dalam kajian ini adalah mereka yang memperoleh pendapatan bulanan sebanyak RM 3,000 dan ke bawah, iaitu seramai 211 orang (52.3%).

Nilai Yang Membentuk Budaya Politik Pengundi Luar Kelantan

Bagi mengetahui hubungan antara nilai-nilai politik dengan budaya politik dalam kalangan pengundi luar Kelantan, analisis korelasi telah dijalankan. Analisis ini bertujuan untuk menentukan kekuatan perkaitan antara nilai politik yang disenaraikan dengan budaya politik dalam kalangan pengundi luar Kelantan di Lembah Klang. Keputusan analisis ujian korelasi dalam kajian ini adalah sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 6 di bawah.

Jadual 6: Nilai-Nilai Politik Yang Membentuk Budaya Politik

Korelasi	1	2	3	4	5
Budaya Politik	1				
1 Nilai Tradisi	.336**	1			
2 Nilai Agama Islam	.429**	.581**	1		
3 Nilai Ekonomi	.272**	.407**	.482**	1	
4 Nilai Pembangunan	.136**	.076	.119*	.128*	1
5 Nilai-Nilai Sejagat	.257**	.035	.114*	.142*	.360**

Jadual 6 merupakan hasil analisis melalui ujian korelasi antara nilai-nilai politik, iaitu melibatkan nilai tradisi, nilai agama Islam, nilai ekonomi, nilai pembangunan dan nilai-nilai sejagat. Hasil analisis ujian korelasi yang dijalankan mendapati wujud perkaitan signifikan antara nilai-nilai tersebut dengan budaya politik. Secara terperinci, perkaitan ini adalah berbeza-beza antara setiap nilai yang diuji dan tiada nilai yang mempunyai nilai perkaitan yang sama. Hasil analisis ujian korelasi mendapati nilai agama Islam mempunyai perkaitan yang paling kuat dengan budaya politik, iaitu ($r=0.429^{**}$), diikuti dengan nilai tradisi, ($r=0.336^{**}$), nilai ekonomi, ($r=0.272^{**}$) dan nilai-nilai sejagat, ($r=0.257^{**}$). Hasil kajian ini juga mendapati nilai paling lemah perkaitannya dengan budaya politik dalam kalangan pengundi luar Kelantan adalah nilai politik pembangunan, iaitu ($r=0.137^{**}$). Berdasarkan analisis ini, dapat disimpulkan bahawa nilai budaya politik pengundi luar Kelantan dibentuk oleh tiga nilai politik yang utama, iaitu nilai politik agama Islam, nilai politik tradisi dan nilai politik ekonomi.

Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan pengundi luar Kelantan meletakkan nilai politik agama Islam pada kedudukan yang paling utama dalam budaya politik berbanding nilai politik yang lain. Dapatan ini secara tidak langsung memberi gambaran bahawa suasana dan persekitaran Kelantan yang dipenuhi dengan institusi pendidikan berteraskan agama Islam telah mempengaruhi budaya politik. Pandangan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Riduan (2015) yang mendapati Kelantan semenjak abad ke-19 lagi merupakan negeri yang banyak terdapat pusat pengajian pondok sehingga digelar sebagai negeri 'Serambi Mekah'. Kewujudan sekolah pondok di persekitaran tempat tinggal telah menyebabkan rangsangan secara berterusan berlaku kepada masyarakat seterusnya menyebabkan pemindahan nilai-nilai Islam meresap dalam kehidupan seharian. Kewujudan tenaga pengajar yang bergelar 'tok guru' merencanakan pengajian agama dan menjadi satu fenomena biasa dalam kehidupan masyarakat Melayu (Mansor, 2005).

Dapatan ini juga menunjukkan nilai politik pembangunan dalam budaya politik pengundi luar Kelantan adalah paling lemah berbanding nilai politik yang lain. Hal ini dengan sendirinya memberi petunjuk bahawa untuk mendapatkan sokongan undi dari pengundi luar, parti politik perlu bertindak dengan lebih bijak dengan mengetengahkan nilai yang dianggap penting dalam susunan kedudukan nilai dan menepati aspirasi politik mereka. Dalam konteks politik pengundi luar Kelantan, nilai yang paling penting adalah nilai politik Islam dan paling lemah perkaitannya dengan budaya politik adalah nilai politik pembangunan.

Hasil dapatan ini menjawab persoalan tentang mengapa pengundi luar Kelantan lebih cenderung mengundi PAS berbanding UMNO. Pendekatan PAS yang menggunakan nilai Islam sebagai asas ideologi perjuangan berjaya memikat hati pengundi luar. Berbeza dengan UMNO yang cenderung menggunakan nilai politik pembangunan sebagai modal untuk mendapatkan sokongan. Bagi pengundi luar Kelantan mereka telah menikmati pembangunan

dengan serba lengkap di tempat tinggal semasa mereka di Lembah Klang, jadi pembangunan yang ditawarkan oleh UMNO tidak begitu menarik perhatian mereka. Pengundi luar tidak kisah Kelantan ketinggalan dari segi pembangunan berbanding negeri lain seperti sekali sekala terpaksa menghadapi jalan raya yang jem teruk, kekurangan peluang pekerjaan atau mengalami masalah gangguan bekalan air tidak berjadual pada setiap kali cuti panjang terutama ketika cuti hari perayaan serta cuti sekolah. Pengundi luar tidak tertarik dengan pembangunan kerana mereka mahu mengekalkan nostalgia, menggamit memori apabila 'kelik kelate'. Mereka dapat tengok balik tempat tunggu bas zaman sekolah yang sudah berusia 20 tahun Kelantan yang masih sama tidak berubah. Kalau berubah dan membangun, nilai nostalgia sudah hilang dan oleh sebab itu pengundi luar ini akan terus mengundi PAS kerana mahu mengekalkan nostalgia dan kenangan zaman lampau di usia remaja (Imlan Adabi, 2022).

Secara jelasnya dapatan ini menunjukkan nilai politik Islam yang diperoleh melalui proses sosialisasi di tempat asal di Kelantan adalah lebih dominan berbanding nilai politik yang lain di tempat tinggal semasa di Lembah Klang. Hal ini kerana dasar PAS yang menonjolkan pentadbiran mengikut pendekatan Islam yang berpandukan Al-Quran, Hadis, Ijmak Ulama dan Qias telah menjadi tapak yang kukuh kepada proses sosialisasi politik bercirikan Islam. Penonjolan identiti keislaman dalam politik PAS dengan mengangkat golongan agamawan yang mempunyai pengetahuan agama sebagai pemimpin parti telah memberi impak dalam mempengaruhi masyarakat kepada nilai Islam (Zaireeni, 2020) termasuk kalangan pengundi luar Kelantan. Disebabkan nilai Islam yang disemai secara berterusan melalui proses sosialisasi, nilai Islam telah menjadi lebih stabil dan sehati dalam budaya politik pengundi luar Kelantan. Pendekatan yang dibawa PAS dalam pentadbiran di Kelantan yang sinonim dengan penyertaan ulama atau guru agama telah memberi inspirasi dan menjadi daya penarik untuk orang Melayu terus mendokong perjuangan PAS. Menurut Zaireeni (2020) tindakan PAS sejak tahun 1982 yang mengangkat kepimpinan ulama dan guru agama berjaya memberi impak yang lebih melata dalam politik orang Melayu.

Tambahan pula Kerajaan PAS Kelantan turut memberikan perhatian istimewa kepada Institusi pendidikan Islam (Riduan, 2015). Institusi pendidikan berteraskan Islam di Kelantan digerakkan oleh sekolah agama rakyat, sekolah pondok, sekolah tahfiz dan juga pendidikan prasekolah seperti PASTI. Selain itu Kerajaan PAS juga menyediakan peruntukkan besar kepada Yayasan Islam Kelantan (YIK) sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan mutu pendidikan sekolah agama di Kelantan. Malah melalui keutamaan kepada pendidikan bercirikan Islam ini memberi kesan kepada seluruh cara hidup orang Melayu melalui penerapan nilai Islam dan pengamalan cara hidup berasaskan Islam (Ahmad Fauzi, 2010).

Trek rekod PAS yang cemerlang dari segi bebas rasuah dan penyelewengan sebagaimana yang digariskan dalam kajian Riduan (2015) telah menyebabkan rakyat Kelantan memberi kepercayaan penuh kepada PAS untuk terus menerajui pemerintahan di Kelantan. Sepanjang pemerintahan PAS dari tahun 1990 sehinggalah sekarang, pemimpin PAS tidak pernah didakwa terpalit dengan rasuah serta penyelewengan. Sebuah NGO anti rasuah, iaitu GERAK pernah menobatkan pemerintahan PAS di Kelantan sebagai negeri contoh bebas rasuah. Selain itu, perwatakan pemimpin PAS yang mesra rakyat dan merupakan elit agama telah memperkukuhkan lagi pengaruh PAS di Kelantan disebabkan faktor penghormatan masyarakat terhadap individu berkenaan (Wan Abdul Rahman & Kamaruzaman, 2015).

Dasar PAS yang memegang teguh prinsip Membangun Bersama Islam (MBI) juga turun memberi kesan dalam mengikut sokongan pengundi. Teras kepada dasar ini berpaksikan

kepada tiga prinsip, iaitu 'Ubudiah', 'Mas'uliah' dan 'Itqan'. 'Ubudiah' yang merujuk kepada penyerahan diri manusia sebagai hamba Allah SWT, 'Mas'uliah' pula berkait rapat dengan kebertanggungjawaban dalam melaksanakan amanah selaras dengan tuntutan syariat, manakala 'Itqan' merujuk kepada etika kerja berkualiti tinggi (Shukeri, et al 2011). Dasar MBI ini telah membantu PAS dalam merancang dan mengemudi pentadbiran Negeri Kelantan agar perjalanan pemerintahan tidak tergelincir dan berlandaskan kepada tuntutan agama Islam (Syahir, 2015).

Begitu juga dengan kajian Siti Ruzana et al. (2020) yang mendapati Kelantan sebuah negeri yang mempunyai ideologi Islam yang telah disematkan dalam jiwa masyarakat dengan pengertian Islam sebagai cara hidup meliputi seluruh aspek penghidupan. Keadaan ini disebabkan pengaruh keIslaman yang lahir dari sistem pendidikan Islam yang telah lama tumbuh dan berakar umbi di Negeri Kelantan. Kejayaan PAS yang mencorakkan cita-cita politik Islam telah diterima oleh rakyat Kelantan kerana rakyat negeri ini memandang tinggi tok guru dan guru agama yang menjadi pemimpin calon PAS. Pengaruh tok guru ini cukup kuat apabila guru pondok memberi sokongan padu dan berterusan kepada PAS, rakyat juga terpengaruh dan turut mencontohi tindakan guru agama pondok tersebut (Riduan, 2013).

Dari situasi yang terhasil, maka dengan mudah PAS memperoleh penyokong terutama dari golongan ulama yang sememangnya menerima prinsip dibawa oleh PAS dan bersesuaian dengan jiwa mereka yang ingin berterusan mengembangkan pengajaran dakwah Islam kepada masyarakat. Golongan ulama dan guru pondok ini pula merupakan golongan yang berpengaruh dalam masyarakat dan mereka mendapat sanjungan serta keakuran masyarakat dalam apa sahaja pandangan yang dikemukakan (Siti Ruzana et al. 2020). Bagi Mohammad Agus (2020), janji ganjaran akhirat telah mendorong orang Melayu menyokong PAS tanpa melalui penilaian tentang unsur timbal balas dari segi kebendaan dan hasil berbentuk material kepada rakyat.

Ahmad Fauzi (2020) turut berpandangan bahawa politik yang dibawa oleh PAS mudah diterima oleh orang Kelantan disebabkan budaya masyarakat di negeri tersebut yang tersemam dengan nilai Islam sejak sekian lama. Pihak Istana Kelantan sejak zaman dahulu lagi sebelum kehadiran penjajah telah memuliakan kelas agama dengan menjemput para alim ulama untuk mengajar kepada golongan pembesar dan pewaris takhta dengan ilmu agama. Maka tidak hairanlah jika budaya yang disemai dalam jiwa oleh rakyat Kelantan terhadap Islam ini bertitik tolak dari tapak yang dibina oleh pihak istana dan pembesar Melayu sejak dahulu lagi.

Selain nilai politik agama Islam, nilai tradisi juga seperti menghormati pemimpin, patuh dan taat kepada Raja-raja Melayu serta pembesar didapati masih memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Nilai tradisi ini kemudian diperkukuhkan dengan nilai Islam seperti mana yang dapat dilihat dalam kalangan pengundi luar Kelantan. Oleh sebab itu, walaupun arus pemodenan dan globalisasi terus berkembang, nilai tradisi dan Islam ini juga berjaya diadun dan disesuaikan dengan nilai moden yang terdapat sekarang (Mohammad Agus, 2020, Ahmad Fauzi, 2020).

Ab Rahman (1999) juga mendapati nilai budaya politik masyarakat Melayu Kelantan adalah berlandaskan kedaulatan Melayu dan kesucian agama Islam. Dapatan dan pandangan oleh pengkaji terdahulu ini ternyata masih relevan dalam konteks pengundi luar Kelantan. Hal ini kerana, dalam budaya politik pengundi luar Kelantan, nilai Islam dan nilai tradisi ini membentuk ikatan yang kuat dalam tingkah laku politik serta saling berkait antara satu nilai dengan nilai politik yang lain. Nilai politik inilah yang menjadi garis panduan kepada mereka

untuk membuat keputusan dan bertindak laku dalam apa jua perkara berkaitan politik. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian yang dijalankan oleh Marzudi et al. (2020). Hasil kajian oleh mereka menunjukkan isu Melayu-Islam ini secara dasarnya menarik minat pengundi Melayu dalam kempen pilihan raya. Walau bagaimanapun, tahap penerimaan terhadap isu tersebut berbeza mengikut faktor umur, tahap pendidikan dan juga ekonomi seseorang. Sudut pandang yang berbeza ini berlaku disebabkan oleh perbezaan latar belakang seseorang individu yang menentukan kedudukan tahap penerimaan suatu isu dalam kempen pilihan raya.

Selain nilai agama Islam dan tradisi, nilai ekonomi juga tidak boleh dipinggirkan dalam konteks kajian ini. Pengundi luar Kelantan didapati meletakkan kepentingan nilai ekonomi pada kedudukan keutamaan yang ketiga. Nilai ekonomi ini penting bagi golongan pengundi kerana mereka hidup di bandar dan sudah pasti setiap perubahan yang berlaku berkaitan dasar serta polisi ekonomi akan memberi kesan secara langsung kepada kehidupan harian mereka. Walaupun nilai ekonomi ini penting, nilai ini masih tidak mampu mengatasi nilai politik agama Islam dan nilai tradisi. Dalam PRU ke-12, BN telah melancarkan program ‘pakat kelik ngundi’, iaitu membawa pulang anak-anak Kelantan di perantauan. Ternyata usaha ini tidak memberi keuntungan, apabila BN masih tidak berjaya menawan Kelantan. Kegagalan ini dikaitkan dengan pengundi luar yang masih memberi kepercayaan kepada PAS ekoran pengalaman buruk di bawah pentadbiran BN disebabkan kos sara hidup yang meningkat, isu yang tidak diselesaikan dan janji Abdullah Ahmad Badawi semasa PRU ke-11 yang tidak ditunaikan (Riduan, 2015).

Nilai agama Islam, nilai tradisi dan nilai ekonomi merupakan antara nilai yang dominan dalam budaya politik pengundi luar Kelantan. Walau bagaimanapun, didapati nilai yang semakin berkembang dalam budaya pengundi luar Kelantan adalah nilai sejagat. Nilai sejagat ini dikaitkan dengan sifat ketelusan dalam pentadbiran, kepatuhan terhadap hak asasi dan kepimpinan bertanggungjawab. Nilai sejagat ini mula mendapat perhatian ketika negara berhadapan dengan seruan reformasi yang dibawa oleh Anwar Ibrahim. Intipati yang dibawa oleh nilai sejagat mampu mengurangkan sokongan orang Melayu kepada kerajaan BN pada ketika itu. Hal ini berlaku kerana rakyat tidak berpuas hati dengan layanan kerajaan terhadap Anwar Ibrahim yang dilihat sebagai tidak adil dan melanggar hak asasi manusia.

Sementara itu, kemenangan PH dalam PRU ke-14 juga telah membuka ruang demokrasi yang lebih luas. Faktor globalisasi telah menjadi pemangkin terhadap perubahan lanskap politik menyebabkan rakyat semakin celik dan mempunyai sifat ingin tahu yang tinggi terhadap sesuatu isu yang berlaku (Abdul Rahman, 2011). Hal ini mengakibatkan perjalanan proses politik pendemokrasian menjadi semakin lunak dan selari dengan tuntutan kontemporari (Ariff Aizuddin et al. 2019). Walaupun nilai pembangunan bukan menjadi keutamaan dalam budaya politik pengundi luar Kelantan, namun nilai tersebut masih penting dalam menjadi pelengkap kepada nilai politik yang lain. Rumusan ini berdasarkan hasil kajian oleh Junaidi et al. (2015) yang menunjukkan pengundi mahukan pemimpin yang jujur, amanah serta boleh membawa kemajuan. Nilai agama Islam, nilai tradisi dan nilai ekonomi merupakan antara nilai yang dominan dalam budaya politik pengundi luar Kelantan.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan semua nilai politik adalah penting dalam budaya politik orang Melayu. Namun yang membezakan adalah susunan kedudukan nilai tersebut dalam budaya politik. Nilai Islam dan nilai tradisi ini merupakan tiang seri kepada budaya politik orang Melayu, ditambah pula dengan nilai politik ekonomi dan juga nilai

bersifat sejagat telah memperkuat lagi pengaruh terhadap tingkah laku masyarakat kontemporari ini.

Penghargaan

Makalah ini merupakan sebahagian daripada tesis PhD yang sedang disiapkan di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

Kesimpulan

Kajian bersifat konfigurasi berbentuk mikro seperti kajian tentang pengundi luar ini memberi kefahaman yang lebih meluas mengenai budaya politik sesebuah masyarakat. Kajian ini memberi fokus untuk menentukan perkaitan nilai politik dalam budaya politik yang akhirnya dapat menjelaskan tentang tingkah laku mengapa pengundi luar Kelantan lebih cenderung mengundi PAS di Kelantan. Agak tidak mustahil dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) yang dijangka akan diadakan pada Julai 2023, PAS menang dengan besar di Kelantan disebabkan kedudukan nilai politik Islam yang kekal stabil dalam budaya politik. Nilai politik memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi tingkah laku politik seseorang individu. Berdasarkan kajian ini, jelas menunjukkan nilai politik Islam berada pada susunan kedudukan utama dalam budaya politik pengundi luar Kelantan yang terbentuk hasil daripada proses sosialisasi secara berterusan.

Namun dengan perubahan umur mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun telah menjadikan jumlah pengundi muda semakin signifikan dan kajian yang memfokuskan kepada budaya politik golongan muda khususnya pengundi luar Melayu dan bukan Melayu boleh dilanjutkan. Hal ini kerana walaupun susunan nilai mungkin tidak berubah, namun persepsi terhadap imej dan nilai Islam serta Melayu bagi sesebuah parti politik yang bertanding boleh berubah. Persepsi dan keyakinan golongan ini kepada sesebuah parti politik penting untuk mereka bernaung dan berkongsi aspirasi politik yang sama.

Rujukan

- Ab. Rahman Ismail. (1999). Pembentukan Polisi Awam dan Perkembangan Politik Di Kelantan: Satu Kajian Terhadap Persepsi UMNO dan PAS. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Embong. (2011). The Question of culture, identity and globalisation: An unending debate. *Kajian Malaysia*. 29(1): 11-22.
- Abdul Rahman Embong. (2015). *Negara-Bangsa Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2020). Budaya politik dalam kalangan pengundi luar Kelantan di Lembah Klang, Kuala Lumpur. Temu bual, 28 Dis.
- Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa & Siti Aishah Suhaimi. (2012). Islam dan pembentukan jati diri bangsa Melayu. *Jurnal Hadhari*. Special Edition: 143-154
- Amer Saifude Ghazali. (2013). Politik Pilihan Raya dan Gelagat Pengundian Pada Pilihan Raya Umum Ke-12 Di Kelantan. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Ariff Aizuddin Azlan, Mohammad Tawfik Yaakub & Fadhirul Hisham Aziz. (2019). Pilihan Raya Kecil DUN Balakong 2018 di Malaysia: Praktik Politik Baru. *Sains Insani*. 4(1): 47-53
- Azmil Tayeb. (2022). *Explaining PAS's dominance in Kelantan*. Singapore: ISEAS Publishing. <https://doi.org/10.1355/9789815011968>
- Clammer, J. (1996). *Values Development in Southeast Asia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.

- Higgins, E.T. (2005). Value from Regulatory Fit. *American Psychological Society*. 14 (4), 209-213.
- Horrobin, S. (2006). Immortality, Human Nature, The Value of Life and The Value of Life Extension. *Journal Compilation Blackwell Publishing Ltd*, 20 (6), 279-292.
- Imlan Adabi. (2022, Mei 11). Aduhai kelantan, aduhai... *malaysiakini*, Dicapai pada 1 June 2022 dari <https://www.malaysiakini.com/news/620907>
- Inglehart, R. (1977). *The Silent Revolution : Changing Values and Political Styles Among Western Publics*. New Jersey: Princeton University Press.
- Jamaie Hamil. (2014). Dinamika kepemimpinan politik UMNO. Dlm. Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil, Sity Daud & Zaini Othman (pnyt.). *Demokrasi Kepimpinan Keselamatan dalam Politik Malaysia*, hlm. 111-138. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori & Muhammad Hazim Abdul Ghani. (2020). Prestasi dan penerimaan pengundi terhadap Parti Islam Semalaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Umum ke-14 di Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia, *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(4): 60-77.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali. (2015). Politik etnik di Kuala Lumpur: Kajian tanggapan pengundi dalam kalangan penghuni Program Perumahan Rakyat (PPR) pasca Pilihan Raya Umum 2013. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(7): 33-44.
- Junaidi Awang Besar, Siti Marziah Zakaria, Muhamad Nadzri Mohamed Nor, Suffian Mansor & Nik Hairi Omar. (2022). Geopolitik di kawasan parlimen (P019) Tumpat, Kelantan. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(6): 43-60.
- Junaidi Awang Besar. (2015). Impak sumber maklumat terhadap sokongan kepada parti politik: Kajian empirikal PRU di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space* 11(8): 90-99.
- Junaidi Awang Besar. (2017). Tingkah laku pengundi dan pilihan politik di kawasan parlimen Pasir Mas, Kelantan. *Malaysia Journal of Society and Space*, 13(3): 97-111.
- Katiman Rostam, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Ekhwan Toriman. (2010). Impacts of globalisation on economic change and metropolitan growth in Malaysia: Some regional implication. *The Social Sciences*. 5(4): 293-301.
- Mansor Mohd Noor. (2005). Memahami dan mengurus ekstremisme agama di Malaysia. *Journal of ethics, legal and governance*. 51(1): 51-61.
- Marzudi Md Yunus, Mohd Mahadee Ismail, Azlina Abdullah, Nor Azlili Hassan & Hairol Anuar Mak Din. (2020). Analisis tahap penerimaan isu Melayu-Islam dalam kempen pilihan raya di kawasan Melayu pinggir bandar. *Malaysian Journal of Society and Space* 16(4): 132-149.
- Mastura Abd Wahab, Khadijah Muda, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali & Siti Nor Azhani Mohd Tohar. (2022). Pengetahuan, sikap dan amalan belia di Lembah Klang terhadap unsur-unsur tradisi dalam perlembagaan persekutuan, *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, Special Issue, 19(3): 91-107.
- Media Sandra Kasih. (2004). *Kata sapaan Bahasa Minangkabau cerminan adat dan sistem sosial*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohammad Agus Yusoff. (2020). Budaya politik dalam kalangan pengundi luar Kelantan di Lembah Klang, Selangor. Temu bual, 16 Dis.
- Mohd Azlan Zainal, Amer Saifude Ghazali & Zulkanain Abdul Rahman. (2013). Survival masa depan kepimpinan politik Melayu pasca pilihan raya umum (PRU) ke-12, 2008. *Jurnal Sarjana*, 28(1): 16-36.

- Mohd Fadzil Abdul Rashid, Rshood M. Khraif & Asharaf Abdul Salam. (2017). Malaysia Mengalami Tren Mobiliti Penduduk Yang Masih Tinggi: Kenapa Metropolitan Kuala Lumpur Menjadi Tumpuan? Kertas kerja Persidangan Geografi dan Alam Sekitar Kali Ke-6. Anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, 8-9 September.
- Mohd Faiz Mohd Zain, Samsul Adabi Mamat, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2014). Pilihan Raya Umum 2013: Penolakan berterusan pengundi di Kelantan terhadap Barisan Nasional. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10: 15 – 27.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2011). Pembangunan dan pola pengundian dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manek Urai, Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 7: 29-39.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Novel Lyndon, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Jeniri Amir & Ahi Sarok. (2012). Isu semasa dan persepsi belia terhadap politik dalam Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak 2011. *Malaysia Journal of Society and Space* 8(8): 138 – 148.
- Mohd Mahadee Ismail (2018). Budaya politik kontemporari masyarakat Melayu di semenanjung Malaysia: satu penilaian kritis. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue* :470-482.
- Mohd Mahadee Ismail, Mansor Mohd Noor, Muhammad Asri Mohd Ali, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Muhammad Shamsinor Abdul Azzis., & Azlina Abdullah. (2016). Kepimpinan politik: Pola pokongan pengundi Selangor menjelang PRU 14. *Research Journal of Social Sciences*. 9(3): 8-19.
- Mohd Mahadee Ismail., & Ab Bassit Husin. (2008). Demokrasi dalam Pilihan Raya Umum ke-12: Satu tinjauan ke atas budaya politik masyarakat Melayu Kelantan. *Seminar Politik Malaysia*: Shah Alam. Mac 2008, hlm. 228-241.
- Mohd Sabri Md Nor. (2016). Persaingan Politik Melayu Di Semenanjung Malaysia, 1978-2013. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Muhammad Hazim Abdul Ghani, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2016). Isu dasar kerajaan dalam politik pengundi pasca pilihan raya: kajian kes DUN Teratai, Pandan, Selangor Darul Ehsan. *Malaysian Journal of Society and Space*. 12(4): 34-45.
- Muhammad Marwan M. Shukrimun & Supyan Hussin. (2022). Tingkah laku pengundian etnik Melayu pada Pilihan Raya Umum ke-14, *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(1): 248-261.
- Ng Xiang Yi. (2022, June 1). Bagaimana Undi18, pendaftaran automatik beri kesan pada nilai undi anda? *malaysiakini*. Dicapai pada 6 June 2022 dari <https://newslab.malaysiakini.com/malapportionment/ms>.
- Nik Azis Nik Pa. (2012). *Pengamalan Budaya Ketepatan Dalam Gagasan 1Malaysia Transformasi Ke Arah Pembentukan Negara Maju*. Putrajaya: Akademi Kenegaraan BTN
- Nisar Mohammad Ahmad. (2020). Definisi Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan kesannya terhadap Kefahaman dan Amalan ajaran Islam di Malaysia, *Sains Insani*, 5(2): 9-16.
- Nurul Fatimah Mohd Shahir & Junaidi Awang Besar. (2023). Krisis dan kerjasama parti politik: Kajian kes di kawasan DUN Tanjong Mas, Kota Bharu, Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(1): 1-21.
- Riduan Mohamad Nor. (2013). *Sumbangan PAS dalam bidang pendidikan di Malaysia 1951-2004*. Kuala Lumpur: JUNDI Resources.

- Riduan Mohamad Nor. (2015). *Tribut buat sang pencerah*. Kuala Lumpur: JUNDI Resources.
- Rokeach M. (1973). *The Nature Human Values*. New York: The Free Press.
- Saiyid Radzuwan Syed Sopi. (2021). Pakatan Harapan dan senario politik Kelantan: Analisis pengajaran politik pasca PRU 14 (2018-2020), *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 8(1): 25-55.
- Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamed Adnan, Syed Abdurahman Syed Hussin. (2011). Analisis Pengaruh Politik Islam di Negeri Kelantan Terhadap Gaya Hidup Masyarakat di Malaysia. Dlm. Ahmad Zaki Berahim (pnyt). *World Congress for Islamic History and Civilization, Tajdid & Islah*, hlm. 1-31. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Siti Ruzana Ab Ghani, Rahila Omar, Azlizan Mat Enh & Russli Kamaruddin. (2020). Perkembangan Gerakan Islam - PAS di Kelantan 1957-2000, *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(4): 40-59.
- Siti Ruzana Ab Ghani, Rahila Omar, Azlizan Mat Enh & Russli Kamaruddin. (2020). Perkembangan Gerakan Islam - PAS di Kelantan 1957-2000 *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(4): 40-59.
- Syahir Sulaiman. (2015). Legasi pemikiran ekonomi Tuan Guru Nik Abdul Aziz. Dlm. Riduan Mohd Nor (pnyt.). *Tribut Buat Sang Pencerah*, hlm. 185-193. Kuala Lumpur: JUNDI Resources.
- Wan Abdul Rahman Wan Ab. Latif & Kamaruzaman Yusof. (2015). Peranan Ulama dalam Gerakan Kemerdekaan. Dlm. Abdul Rahman Mahmood, Jaffaray Awang & Zakaria Stapa. (pnyt.). *Survival Politik Muslim Malaysia*, hlm. 21-34. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hashim Wan Teh & Ismail Hamid. (1998). *Nilai Budaya Masyarakat Desa: Kajian Etnografi di Wang Kelian, Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaireeni Azmi. (2020). PAS: Permuafakatan politik sebagai tapak integrasi dan peranan wanita. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(3): 428-462.